

Rujukan : UMT/BEND/100-4/8 Jld.6 (3)

Tarikh : 01 Januari 2025

Bersamaan : 01 Rejab 1445H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y. Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2025

BAJET 2025 DAN INISIATIF BELANJA BERHEMAH UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai **Bajet 2025 dan Inisiatif Belanja Berhemah Universiti Malaysia Terengganu.**

2. LATAR BELAKANG

2.1 Lembaga Pengarah Universiti melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke-94 Bil. 7 Tahun 2024 pada 02 Disember 2024 telah bersetuju meluluskan bajet UMT bagi tahun 2025.


3. BAJET UMT 2025

3.1 Bajet UMT 2025 adalah berjumlah **RM267,737,700** dengan sumber pembiayaan geran kerajaan sebanyak RM217,085,000 (81%) dan sumber dalaman berjumlah RM50,652,700 (19%). Perincian sepertimana pada Jadual 1.

Jenis Bajet		Anggaran Belanja (RM)	Sumber Pembiayaan (RM)	
			Geran Kerajaan	Sumber Dalaman
Mengurus:		260,985,000	217,085,000	34,100,000
Operasi	251,185,000			
Dana Khas - Program Strategik	9,800,000			9,800,000
Kolej Kediaman		6,752,700		6,752,700
		267,737,700	217,085,000	50,652,700
			81%	19%

Jadual 1: Bajet 2025 dan Sumber Pembiayaan

3.2 Pengagihan Bajet UMT mengikut komponen belanja adalah sepertimana rajah di bawah:



Rajah 1: Agihan Bajet UMT Mengikut Komponen Belanja

3.3 Walaupun geran Kerajaan sebanyak **RM217,085,000** telah diluluskan untuk perbelanjaan mengurus universiti, penyaluran geran kerajaan adalah

bergantung kepada keadaan ekonomi semasa negara. Oleh itu, inisiatif belanja berhemah masih dikekalkan.

4. INISIATIF/RASIONALISASI BAJET 2025

4.1 Lembaga Pengarah Universiti bersetuju memberikan pelepasan kepada dua (2) inisiatif, iaitu:

- i) Kadar Elaun Perbatuan dikembalikan kepada kadar sepertimana pekeliling berkaitan, iaitu:
 - a) RM0.85/km – 500km pertama
 - b) RM0.75/km – 501km & ke atas
- ii) Kadar Elaun Lembaga Pengarah, Elaun Eksekutif dan Elaun Pentadbiran dikembalikan kepada kadar asal sebelum rasionalisasi.

4.2 Manakala inisiatif belanja berhemah yang lain masih dikekalkan, iaitu:

- i) Rasionalisasi Elaun Gantian Kenderaan;
- ii) Manfaat telefon;
- iii) Keraian pejabat:
 - a) makan/minum untuk mesyuarat dalaman
 - sekiranya terdapat wakil agensi luar - dibenarkan menggunakan peruntukan mengurus atau Tabung Amanah PTj
 - sekiranya tiada wakil agensi luar – dibenarkan menggunakan peruntukan Tabung Amanah PTj sahaja
 - b) makan/minum untuk bengkel adalah dibenarkan menggunakan peruntukan mengurus atau Tabung Amanah PTj namun tertakluk kepada tempoh bengkel adalah satu (1) hari atau lapan (8) jam dan penyediaan makan/minum adalah untuk makan pagi dan tengahari sahaja.

- iv) Honorarium/Insentif – dibenarkan menggunakan peruntukan Tabung Amanah PTj sahaja
- v) Kadar maksimum bayaran sewa hotel pegawai bergred 53 dan ke atas:
 - a) Utama/Khas A dan ke atas – RM1,000 (sebenar – standard suite)
 - b) Utama/Khas B dan C – RM800 (sebenar – Superior)
 - c) 53 dan 54 – RM500 (sebenar – bilik biasa)
- vi) Penganjuran *retreat* PTj yang menggunakan peruntukan akaun amanah PTj adalah dihadkan kepada sekali untuk tempoh dua (2) tahun;
- vii) Pemberian Geran Komputer Riba; dan
- viii) Penggunaan akaun amanah PTj untuk menampung belanja operasi.

4.3 Ketua PTj hendaklah memastikan perkara berikut diambil kira bagi tujuan memastikan perbelanjaan dibuat secara berhemah dan terkawal:

- i) Perjalanan
 - a) Hadkan bilangan staf bertugas rasmi di luar kampus. **Staf yang berkeperluan sahaja diarahkan.**
 - b) Kaedah Perjalanan
Menggunakan **kaedah perjalanan yang menjimatkan kos & masa** (penerbangan vs kenderaan sendiri)
- ii) Bekalan
Elakkan memegang stok, pembelian hanya dibuat apabila memerlukan

iii) Bengkel/Majlis

Bengkel/majlis digalakkan diadakan **DALAM kampus** atau di luar kampus dengan kos yang minima .

iv) Elaun Lebih Masa (OT)

Dikawal dan bagi kerja yang benar-benar perlu sahaja dan bayaran OT adalah tertakluk kepada peruntukan. Sekiranya tuntutan melebihi peruntukan maka pegawai hanya layak menuntut cuti gantian.

5. PEMAKAIAN

Pekeliling/Surat Pekeliling Bendahari berkaitan belanja berhemah yang dikeluarkan sebelum pekeliling ini masih lagi terpakai.

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Bendahari ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai pada **01 Januari 2025**.

Sekian, terima kasih.

"KEBERSAMAAN UMT"
"MALAYSIA MADANAI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Fail